



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 3 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	BELANJAWAN TIGA KEMENTERIAN DILULUS, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SINAR HARIAN -8 KELANTAN HASIL MADU KELULUT KEDUA TERBESAR, KELANTAN, HAKAH -H12 BUDGET FOR 8 MINISTRIES PASSED IN DEWAN RAKYAT SO FAR, ONLINE, THE MALAYSIAN RESERVE -2 MINISTER: ALLOCATION OF RM570 MILLION IN SSHP FEARED TO BE INSUFFICIENT TO MEET THE PRODUCTION TARGET OF 1.9 MILLION METRIC TONNES OF RICE NEXT YEAR, ONLINE, KWONG WAH YIT POH BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTANIAN LULUS MELALUI UNDIAN SUARA, ONLINE, MALAYSIA KINI	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	TERNAKAN LEMBU, KAMBING SEMAKIN MENURUN, SIDANG DUN JOHOR, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	GUDANG DAGING SELUDUP DIKAWAL ELAK DICEROBOH GENGSTER, SH, MUKA DEPAN PIHAK BERKUASA PANTAU GUDANG 24 JAM, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -2 MODUS OPERANDI KARTEL SELUDUP DAGING HARAM, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 RAKYAT BIMBANG STATUS HALAL DAGING, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 BERISIKO SEBAR PENYAKIT, BAKTERIA, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -6 DEDAH JENAMA DAGING, SELAMATKAN RAKYAT, SUARA, SH -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13. 14. 15.	DR M, ANWAR QUERY RM220M BUDGET ALLOCATION FOR FAMA CORPORATE OFFICE CONSTRUCTION, ONLINE, THE EDGE CEO MORNING BRIEF -14 PLANS FOR FAMA NEW BUILDING BEGAN IN 2011 – KIANDEE, ONLINE, BORNEO POST KUCHING PERANCANGAN PROJEK BANGUNAN BAHARU FAMA BERMULA SEJAK 2011, ONLINE, UTUSAN BORNEO	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27.	JUALAN IKAN DARAT MEROSOT SEPANJANG TEMPOH PKPB, NEGERI KELANTAN, SH -29 KERAPU KERTANG 67KG DIJUAL RM2,680, NEGARA, KOSMO -12 SAMPAI TERTIDUR TUNGGU PELANGGAN, NEGARA, KOSMO -16 PENIAGA IKAN DARAT RANTAU PANJANG MENGELUH, NEGARA, KOSMO -16 BOMBA KAPAR DAPAT 160KG SAYUR-SAYURAN, KOMUNITI KITA, KOSMO -32 REZEKI LAIN 'MENJENGUK', LOKAL, HARIAN METRO -19 NEW INCOME EVEN DURING THE MONSOON, NEWS/NATION, NST -14 'TERMENUNG' JUALAN IKAN MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -29 KELADI BUNTING DIPERCAYAI 'BANJIR TERMENUNG', JAGA SUNGAI KITA, BH -26 TIGA BULAN, ENAM KALI SEMINGGU, DALAM NEGERI, UM -31 'TIME TO INTRODUCE MODERN FARMING WAYS', NATION/NEWS, NST -9 INOVASI MADU KELULUT TINGKATKAN HASIL PERTANIAN, GAYA SAINS, UM -24&25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	8

Belanjawan tiga kementerian dilulus

KUALA LUMPUR - Tiga Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan 2021) di peringkat jawatankuasa kementerian diluluskan semalam di Dewan Rakyat.

Pada sebelah pagi selepas Sesi Pertanyaan Lisan berakhir, RUU peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, diikuti dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dibahaskan sebelum diluluskan dengan suara majoriti.

Antara ahli Parlimen yang turut serta pada perbahasan tersebut ialah Tun Dr Mahathir Mohamad (Bebas-Langkawi), Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson), Datuk Seri Shahidan Kassim (BN-Arau) dan Yeo Bee Yin (PH-Bakri).

Sebelum undian dijalankan,

sesi penggulungan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dibuat Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, penggulungan dibuat oleh Menterinya, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Sementara itu, penggulungan bagi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dibuat oleh Menterinya, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Peruntukan bagi kementerian tersebut pada 6 November lalu ketika Belanjawan 2021 dibentangkan ialah sebanyak RM10.19 bilion.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Rashid Hasnon yang mengumumkan perkara itu berkata, ia diputuskan dengan sokongan majoriti ahli Parlimen tanpa melalui proses undian belah bahagian.

Kelantan hasil madu kelulut kedua terbesar

Oleh
SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Negeri kedua yang menghasilkan madu kelulut terbesar di negara ini iaitu Kelantan. Manakala Sarawak berada di kedudukan teratas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, pengeluaran itu melibatkan 24,730 kilogram madu kelulut tahun lepas dengan nilai lebih RM3.5 juta.

Katanya, industri berke-
nakan mampu menyumbang
kepada Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK).

"Statistik Jabatan Pertanian sehingga Oktober 2020 sebanyak 145,856 kilogram madu kelulut dihasilkan pengusaha kelulut di seluruh Malaysia dengan nilai lebih RM21 juta," katanya selepas melawat Galeri Kelulut Min House Camp di Kubang Kerian Ahad lepas.

Turut hadir, Timbalan Pengarah (Pengembangan) Jabatan Pertanian Kelantan, Murniwati Mohamad dan pemilik Min House Camp, Wan Noriah Wan Ramli.

Che Abdullah juga berkata, industri ternakan kelulut di Malaysia sangat berpotensi untuk dijadikan

sumber pendapatan bagi meningkatkan ekonomi rakyat.

"Bagi meningkatkan pengeluaran madu kelulut, beberapa strategi dikenal pasti antaranya bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan kepada pengusaha.

"Selain itu kursus dan bimbingan keusahawanan turut diberikan kepada mereka yang berminat," ujarnya.

Beliau memberitahu, walaupun masih banyak negara belum mengiktiraf kebaikan madu kelulut, namun kerajaan berusaha memartabatkan madu berkenaan.



Che Abdullah Mat Nawi melawat Min House Camp di Kubang Kerian.

Headline	Budget for 8 ministries passed in Dewan Rakyat so far		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	03 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	2	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	468 cm ²
Journalist	SHAHEERA AZNAM SHAH	AdValue	RM 4,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,742



Budget for 8 ministries passed in Dewan Rakyat so far

Another win for PN as MPs pass the expenditure under Supply Bill (Budget) 2021 for Mafi, KPLB and KeTSA without bloc voting



ALLOCATIONS for eight out of the 27 ministries have been approved at the committee level, signalling the strength of the Perikatan Nasional (PN)-led government at the lower house.

Yesterday, MPs passed the expenditure under Supply Bill (Budget) 2021 for the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi), Rural Development Ministry (KPLB), and Energy and Natural Resources Ministry (KeTSA) without bloc voting.

Among Opposition MPs who took turns to query the ministers was Langkawi MP Tun Dr Mahathir Mohamad who raised his concern on the lack of specific efforts to improve the economies of smallholders.

The former prime minister said the low-income group will continue to be in poverty if there are no effective efforts to promote modern agricultural practices which are able to generate more income for the social group.

"If the smallholders are left to cultivate their crops through methods of the olden days, they will



Several initiatives to spur modern cultivation are being drafted into the 12MP, says Klandee

not be able to improve themselves and will continue to be dependent on government subsidies.

"They cannot move forward as each of them own a small size of land, and we know that only large-scale farming could generate a high return.

"Do dismiss my concern if the PN government is implementing the ways to modernise the industry, but as far as I'm concerned, the smallholders are still 'small,'" he said during the debate session for Mafi's allocation.

Dr Mahathir also commented on Malaysia's RM60 billion dependency on imported vegetables and fruits, which could easily be reduced through modernisation.

Additionally, he questioned the insufficient allocation for the

ministry although it has been raised from RM500 million to RM1.4 billion in 2021.

Responding to the queries, Mafi Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee said several initiatives to spur modern cultivation are being drafted into the 12th Malaysia Plan (12MP).

"Under the 12MP, Mafi has drafted measures to modernise the agriculture industry, including enhancing the implementation of the IR 4.0 and increasing automation.

"The ministry has also set aside RM60 million for the agro-food supply chain," he said in his winding-up speech.

On the insufficient subsidy for paddy production, Klandee said the Finance Ministry (MoF) has been notified early of the concern

and will consider to include in a supplementary budget if necessary.

"We have informed the MoF early about the insufficiency to achieve the paddy production target in 2021. MoF will consider an additional allocation if our farmers could increase their productivity," he added.

Mafi's RM4.79 billion allocation was the first to be approved, where a bulk of it will be used for organic agriculture projects modernisation of fishermen vessels and supply-chain programmes, as well as for impactful and high-valued agriculture and livestock programmes.

The RM2.1 billion budget for KeTSA was also approved by a simple majority.

Among the significant utilisations under the ministry are cleaning rivers with rubbish and waste, island waste management projects in Johor and Terengganu, and preservation of natural resources through the TAHAP initiative.

During the debate session of the ministry, Bakri MP Yeo Bee Yin, who is the former Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change minister, questioned the unavailability of a new quota issued for the net energy metering projects to continue to invigorate the solar industry.

Today's sitting will deliberate on the allocations for the International Trade and Industry Ministry, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, and Entrepreneur Development and Cooperatives Ministry.

Headline	Minister : Allocation of RM570 million in SSHP feared to be insufficient to meet the		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	03 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A9	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,491
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,474



农长：稻米价格补贴配套只获5.7亿 难应付明年190万吨产量

（吉隆坡2日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪披露，稻米价格补贴配套（SSHP）只获得5亿7000万令吉的配额，将难以应付明年190万吨的稻米产量。

他说，2020年的SSHP获得的配额为6亿2000万令吉，但2021年减至5亿7000万令吉。

“预计明年的稻米产量会达190万吨，但该拨款配额只足以应付150万吨的产量。因此，我们已经向财政部反映此事，要求增加拨款，该部门也表示会采取合适的行动。”

他是在《2021年财政预算案》委员会阶段进行部门总结时，如是表示。

另外，今天（2日）国会下议院也在委员会阶段以声浪大小表决，通过该部门预算拨款。其中行政拨款为32亿7785万3300令吉，发展开销的直接拨款为14亿4457万4700令吉，贷款为6800万，一共47亿9042万8000令吉。#



罗南建迪：稻米价格补贴配套的配额，难以应付明年的产量，已要求增加拨款。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

BELANJAWAN KEMENTERIAN PERTANIAN LULUS MELALUI UNDIAN SUARA



PARLIMEN | Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2021 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui undian suara.

Timbalan Speaker Rashid Hasnon berkata bahawa berdasarkan peraturan mesyuarat, keputusan ahli parlimen menunjukkan lebih kepada bersetuju.

"Ahli yang terhormat, perbelanjaan RUU Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi peringkat jawatankuasa dijadikan sebahagian daripada anggaran perbelanjaan," katanya.



Sebelum itu, sesi penggulungan dilakukan oleh Menteri Ronald Kiandee (atas) melibatkan anggaran perbelanjaan pembangunan dan pengurusan sebanyak RM4,790,428,000 (pembangunan dan pengurusan).

Setakat ini parlimen meluluskan belanjawan untuk enam kementerian dalam undian peringkat jawatankuasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	SINAR HARIAN	SIDANG DUN JOHOR	24

Ternakan lembu, kambing semakin menurun

ISKANDAR PUTERI - Trend penurunan populasi ternakan ruminan terutama lembu dan kambing dicatatkan sejak 2012 sehingga 2018 di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani Dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali berkata, beberapa faktor menyebabkan kemerosotan populasi itu antaranya wabak penyakit dan kekurangan tanah.

“Namun permintaan terhadap daging lembu dan kambing masih tinggi iaitu lebih 1.05 juta tan metrik bagi lembu dan lebih 438,000 tan metrik kambing.

“Pada Hari Raya Korban (Hari

Raya Aidiladha) permintaan daging cukup tinggi di mana permohonan permit sembelih luar pada tahun 2020 melibatkan sebanyak 4,791 ekor dengan hasil sebanyak RM158,045 berbanding 2019 sebanyak 4,308 ekor dengan hasil sebanyak RM136,923.

“Kerajaan negeri menerusi Jabatan Veterinar akan menggiatkan program hub pedaging, bantuan bahan asas dan pembangunan infrastruktur bagi mengatasi isu kekurangan bekalan daging lembu



SAMSOLBARI

dan kambing serta Skim Rezeki Ternak dan Program Pembangunan Ruminan (PROPER),” katanya ketika menjawab soalan daripada **Sulaiman Mohd Nor (PH-Kemelah)** dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di sini, semalam.

Dalam pada itu, Kerajaan Johor juga kini sedang berusaha menarik lebih banyak pihak swasta terlibat dalam bidang ternakan dengan menawarkan tanah di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



Perikatan Nasional setuju bentuk Majlis Presiden



Bayi lelaki lahir tanpa bebola mata di Kota Bharu

KHAMIS | 3 DISEMBER 2020 | 17 RABIULAKHIR 1442H | BIL: 5145 | PP11200/02/2013 (031412) | sinarharian.com.my | SinarOnline | SinarHarian | SinarHarian | [sinarharian](https://www.facebook.com/sinarharian) **RM1.50**

TEMPOH PKP 18 MAC 2020

261

HARI

KES COVID-19 DI MALAYSIA

68,020	851	365	56,969
JUMLAH KES	KES BAHARU	KES KETUMPAH	KES PULIH

JUMLAH KES SELURUH DUNIA

64,016,351

GUDANG DAGING SELUDUP DIKAWAL ELAK DICEROBOH GENGSTER

LAPORAN KHAS



PIHAK berkuasa sedang memantau 24 jam gudang kartel penyeludupan daging sejuk beku di Senai, Johor Bahru bagi mengelakkan bahan bukti utama tersebut hilang atau dilarikan kumpulan gengster.

Pihak berkuasa percaya kejayaan merampas daging sejuk beku bernilai RM30 juta dalam serbuan besar-besaran kelmarin akan menyebabkan pihak sindiket bertindak lebih agresif termasuk kemungkinan mengupah kumpulan gengster.

Pembongkaran kegiatan sindiket yang mengejutkan rakyat Malaysia itu kini turut berada dalam pemantauan Polis Johor.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay mengesahkan polis sudah menerima satu laporan semalam berhubung isu penyeludupan daging sejuk beku dan pemalsuan dokumen.

MUKA 2, 3, 4 & 6



Pihak berkuasa memantau gudang daging sejuk beku di Senai yang diserbu semalam

3/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEUK
BEKU

2



SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU

Laporan IZWAN ROZLIN dan
MUHAMMAD AFHAM RAMLI

Pihak berkuasa pantau gudang 24 jam

Kartel daging sejuk beku dikhuatiri melibatkan kumpulan gengster untuk lirikan bahan bukti di dalam gudang

JOHOR BAHRU

Pihak berkuasa kini memantau 24 jam gudang kartel daging sejuk beku di Senai di sini bagi mengelakkan bahan bukti utama tersebut hilang atau dilarikan kumpulan sindiket berkenaan.

Pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan kejayaan membongkar kartel daging sejuk beku itu akan menyebabkan sindiket berkenaan bertindak lebih agresif termasuk melibatkan kumpulan gengster untuk melupuskan bukti.

Daging sejuk beku yang diseludup masuk tanpa pengesanan halal tersebut masih dalam proses dokumentasi sebelum dibawa keluar untuk tindakan lanjut.

Difahamkan proses tersebut mengambil masa yang agak panjang kerana jumlah sitaan yang begitu besar.

Lebih menyukarkan, ribuan kotak daging sejuk beku itu disimpan di dalam tempat sim-



Pihak KPDNHEP Negeri Johor sedang menjalankan pemeriksaan lanjut pada daging sejuk beku yang ditemui di sebuah gudang pembekal di Senai, Johor Bahru.



panan bersuhu -18 darjah Celsius.

Selain faktor lambakan serta proses semakan yang memerlukan penelitian, keadaan suhu yang sejuk sedikit sebanyak memperlahankan proses pengiraan sebelum ia dibawa keluar pihak berkuasa.

Gudang berkenaan telah diserbu kira-kira jam 10.30 pagi kelmarin membabitkan penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya dan Johor, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad berkata, kes ini adalah melibatkan kes yang didalangi satu kartel.

"Kita perlu mendapatkan bantuan pihak polis untuk keselamatan pegawai yang bertugas sepanjang



Antara daging sejuk beku yang dibawa masuk dari Ukraine, Brazil, China dan Argentina.

menjaga barang-barang kes.

"Hari ini ada dua pegawai polis telah hadir membuat pemantauan di gudang ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, barang kes terbabit akan dibawa keluar dari gudang selewat-lewatnya esok.

Katanya, proses pengiraan masih dijalankan oleh pihak Maqis dan JKDM.

"Kesemua daging sejuk beku itu akan dibawa dengan menaiki kontena," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk daging sejuk beku dari Ukraine, Brazil, Argentina dan China itu dilakukan sindiket terbabit dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuklah borang kastam, permit import, siji halal atau pun resit bayaran.

-Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, pada masa sama, sindiket turut mengimport daging dari sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit dan akan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati daging yang dicurigai itu kemudian akan dibuat pembungkusan semula di dalam sebuah bilik yang dilengkapi mesin pemotong.

Difahamkan kerja-kerja pembungkusan itu dilakukan beberapa pekerja warga Bangladesh.

Daging atau organ dalaman tersebut akan dimasukkan di dalam kotak sebelum ditampal dengan pelekat serta dicap dan dilabel seakan-akan daging terbabit adalah halal.

Siasatan mendapati cap logo berkenaan ditempah dari sebuah premis di Ulu Tiram, Johor.

Malah, Maqis juga mengesan pembuatan pelekat yang dihasilkan sendiri di gudang berkenaan.



JADUAL WAKTU SOLAT

Sinar

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
PERUS	6:02	7:16	1:11	4:32	7:03	8:17
ALOR SETAR	6:02	7:13	1:11	4:32	7:03	8:18
PULAU PINANG	6:01	7:12	1:11	4:33	7:05	8:19
IPOH	5:57	7:08	1:09	4:31	7:04	8:18
KOTA BHARU	5:54	7:08	1:03	4:25	6:56	8:06
KUALA TERENGGANU	5:49	7:02	1:00	4:21	6:53	8:08
KEMAMAN	5:46	7:00	1:00	4:23	6:58	8:12
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:53	7:04	1:06	4:28	7:03	8:17
SEREMBAN	5:53	7:03	1:06	4:28	7:03	8:17
SEREMBAN	5:49	7:03	1:04	4:27	7:03	8:17
BANGAR MELAKA	5:48	7:02	1:03	4:27	7:02	8:16
JOHOR BAHRU	5:40	6:54	12:57	4:21	6:57	8:11


Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my



Bilik simpanan sejuk beku yang menempatkan daging yang sudah siap dibungkus dan dilabel semula.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	SINAR HARIAN	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEUK BEKU	3

SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU



SPRM, LHDN periksa gudang daging sejuk beku

JOHOR BAHRU - Sepasukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hadir melakukan pemeriksaan di sebuah gudang pembekal daging sejuk beku di Senai di sini hari ini.

Agensi terbabit masing-masing terdiri daripada tiga orang pegawai dan anggota tiba kira-kira jam 11 pagi.

Difahamkan, pasukan LHDN tiba dengan memeriksa dokumen berkaitan syarikat terbabit dan mengambil masa lebih satu jam. Pasukan SPRM pula tiba dengan melakukan pemantauan penugasan penguat kuasa lain.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan pihak berkuasa terdiri Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya dan Johor, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama

Islam Negeri Johor (JAINI) menyerbu gudang terbabit pada jam 10.30 pagi kelmarin.

Operasi terbabit berjaya merampas 1,500 tan pelbagai jenis daging sejuk beku antaranya lembu, kerbau, itik, ayam selain organ dalaman seperti paru, perut serta ekor dianggarkan bernilai RM30 juta.

Siasatan awal pihak berkuasa mendapati modus operandi gudang terbabit adalah dengan mendapatkan stok daging sejuk beku dari luar negara sebelum dikatakan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.

Bagi memastikan kegiatan penyeludupan terbabit berjaya, sindiket dipercayai akan menggunakan dokumen palsu termasuklah borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, pada masa sama, sindiket turut mengimport daging dari sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit.

Polis terima laporan kes kartel daging 'halal'

JOHOR BAHRU - Polis menerima satu laporan berhubung isu penyeludupan daging sejuk beku dan pemalsuan dokumen yang dipercayai dilakukan di sebuah gudang pembekal daging sejuk beku.

Perkara itu disahkan Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.



AYOB KHAN

"Laporan itu dibuat di Balai Senai, semalam. Laporan berkenaan isu terbabit dan kes itu telah dirujuk kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sementara itu, sumber Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berkata, pihaknya telah menyemak Borang Kastam 1 (K1) dan dapati dua pengimportan melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang, Selangor.

Tambahnya, pihaknya juga akan bertindak merampas daging sejuk beku yang tidak diikrar di dalam Borang K1.

"Setelah dirujuk dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), hampir 90 peratus daging sejuk beku adalah tidak dibenarkan masuk ke Malaysia kerana ia adalah larangan mutlak sebab ia dibawa dari negara tidak dibenarkan seperti Ukraine," katanya.

3/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEUK
BEKU

4

#JanganPutusAsa
#Malaysia

SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEUK BEKU

Rakyat bimbang status halal daging

Berkemungkinan kegiatan itu sudah lama berlaku tanpa disedari orang ramai

Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Rata-rata rakyat di negara ini bimbang dengan lambakan daging sejuk beku tidak halal berada di pasaran tempatan berikutan kegiatan kartel menyeludup masuk daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina yang kemudiannya dicampur dengan daging halal sebelum dijual.

Mereka berpendapat aktiviti menyeludup masuk daging sejuk beku tidak halal tidak sepatutnya berlaku kerana perkara ia melibatkan soal makanan halal dan haram yang sangat penting bagi umat Islam khususnya di negara ini.

Guru Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAPA), Noor Syamsheila Adira Mohamad Harris, 24, berkata, kegiatan

itu kemungkinan sudah lama berlaku tanpa disedari orang ramai.

Dia mengakui mulai rasa takut dan ragu-ragu untuk membeli daging sejuk beku di pasar raya susulan pembongkaran isu tersebut di Sinar Harian.

"Namun setelah saya membaca laporan mengenai isu ini, saya akan lebih berhati-hati dan mengelak daripada membeli daging sejuk beku yang tiada logo halal yang disahkan," katanya.

Bagi Muhd Shahmil Azli, 30, dia merasakan bahawa perkara seperti ini tidak wajar berlaku kerana ia melibatkan soal halal dan haram bagi umat Islam.

"Sebagai orang Islam, kita tidak boleh ambil sambil lewa perkara ini kerana ia melibatkan makanan yang kita makan dan akan menjadi sebahagian daripada darah daging."

"Tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang terlibat dalam jenayah berkenaan," katanya.

Sementara itu, peniaga daging di Pasar Moden Seksyen 6 di sini, Mohd Amran Thazuddin, 43, berkata, dia sentiasa memastikan bekalan daging diterima itu datang daripada pembekal yang sah.



SYAMSHEILA



MOHD AMRAN



SHAHMIL



SULONG

"Jika saya was-was atau mendapati daging sejuk beku itu tidak diiktiraf halal oleh Jakim, saya akan bertindak menghantar semula bekalan daging itu dan membuat laporan kepada pihak berkuasa," katanya.

Seorang lagi peniaga daging, Sulong Mohd, 66, berkata, perniagaannya masih tidak terjejas dengan isu berkenaan kerana pembeli masih percaya terhadap daging yang dijual.

"Saya yakin dengan bekalan daging yang dijual oleh pembekal yang merupakan rakan baik saya. Malah saya juga sudah lama berurusan dengannya," katanya.



Laporan Sinar Harian semalam yang menyuarakan isu daging sejuk beku tidak halal yang diseludup.

Mufti gesa hukuman berat ke atas pihak palsukan logo halal

IPOH - Hukuman berat harus dikenakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam memalsukan dokumen dan logo halal bagi produk makanan untuk pasaran di negara ini.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim berkata, individu mahupun kum-

pulan yang bersubhat dalam kegiatan itu juga perlu dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Dalam masa sama, katanya, agensi penguatkuasaan perlu meningkatkan lagi operasi, manakala kesedaran awam mengenai isu itu perlu dipertingkatkan.

"Saya berpandangan perkara ini berlaku berpunca daripada sifat ketidakjujuran dalam mana-mana rantai proses import dari negara asal hingga ke pasaran kepada orang awam. Barangkali ada isu-isu integriti dalam agensi-agensi berkaitan."

"Dari segi hukum pula, apabila kita mengetahui bahawa daging itu asalnya tidak halal, maka umat Islam haram menjual, membeli dan memakannya," katanya kepada Sinar Harian semalam.

Sementara itu, beliau berkata, isu mengenai makanan halal dan baik atau halal taiyyiban banyak disentuh dalam al-Quran yang seharusnya menjadi panduan serta rujukan kepada umat Islam.



ZAMRI HASHIM

Malah, katanya, isu makanan tidak boleh lagi dilihat sebagai isu individu tetapi mesti dilihat sebagai satu tuntutan bagi memenuhi keperluan umat Islam yang menjadi majoriti penduduk negara ini.

Pandangan sama turut dikongsikan Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid yang menyasarkan agar masyarakat Islam lebih berhati-hati dalam pembelian daging sejuk beku.

"Pengguna Islam kena lebih waspada dan pastikan mereka mendapatkan daging serta ayam daripada pembekal yang diiktiraf."

"Rasulullah SAW juga pernah menyatakan bahawa perkara halal dan haram itu jelas, namun di antara keduanya ada perkara yang syubhat (samar-samar)," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berpesan dengan diumumkan harus bagi seseorang yang tidak mengetahui tentang status daging dipasarkan.

"Jadi apa yang jelas pada mata saya ialah ketika mana seseorang itu tak tahu tentang mana halal haramnya, maka di-hukumkan harus tapi setelah dia mengetahuinya, maka hukumnya jadi haram sebab benda itu jelas adalah haram," katanya.

Sementara itu, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman pula berkata, tindakan lebih tegas perlu diambil terhadap pembekal, pemborong dan peniaga yang cuba mengambil kesempatan menjual produk daging diragui status halalnya.

Menurutnya, tindakan itu penting dalam menjaga kepentingan umat Islam di negara ini kerana kemungkinan ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membawa masuk daging dari negara yang tidak mendapat pengiktirafan halal.

"Kita bimbang, produk daging import ini diedar ke pasaran menggunakan logo lalal palsu dan dibeli umat Islam."

"Justeru, pengguna dalam kalangan umat Islam juga kena lebih berhati-hati memilih produk daging import ini supaya tidak terbeli daging yang diragui status halal," katanya.



3/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEUK
BEKU

6



KPDNHEP sedia siasat
daging sejuk beku
guna logo halal

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedia menyiasat daging sejuk beku yang diseludup masuk sebelum dibungkus semula dengan menggunakan logo halal.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya akan menyiasat kesahihan sijil halal yang digunakan oleh kartel daging itu. "Sekiranya mereka guna sijil halal, adakah ia dikeluarkan pihak berkuasa di negara pengeluar?"

"Kita juga akan menyiasat sekiranya kartel tersebut mengemukakan sijil perakuan halal kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) jika ada. Kita akan tengok sejauh mana kesahihannya," katanya.

Beliau berkata, jika pihak berkenaan menggunakan sijil halal palsu, tindakan boleh dibuat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

"Kita akan ambil tindakan mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya.

Terdahulu, *Sinar Harian* membongkar praktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia.

Stok daging berkenaan dikatakan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

Siasatan mendapati kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cup palsu yang kemudiannya akan ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU

Berisiko sebar penyakit, bakteria

Pemeriksaan ketat perlu
dilakukan bagi pastikan
daging yang dibawa masuk ke
negara ini bebas penyakit

Oleh RAJA NUR FAZMIE AIDA

SHAH ALAM

Haiwan ternakan yang dijangkiti penyakit atau bakteria berisiko tinggi menyebabkan keracunan makanan dan kematian jika tidak dirawat dengan segera.

Presiden Persatuan-Persatuan Veterinar Asia, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, pemeriksaan yang ketat perlu dilakukan bagi memastikan daging yang dibawa masuk ke negara ini bebas daripada sebarang penyakit.

Jelas beliau, antara bakteria yang berbahaya itu ialah *Campylobacter spp.*, *Salmonella spp.*, *Escherichia coli*, *Listeria monocytogenes*, *Yersinia enterocolitica*, *Staphylococcus*, *Acrobacter*, *Clostridium*, *Mycobacterium* dan *Bacillus cereus*.

"Kadangkala daging itu juga boleh dicemari dengan parasit seperti *Taenia* dan daripada protozoa seperti *Trichinella*, *Sarcocystis*, *Toxoplasma gondii* dan *Cryptosporidium parvum*."

"Kesemua mikroorganisma ini mempunyai keupayaan untuk menghasilkan toksin yang menyebabkan penyakit atau kematian."

"Justeru, jika pemeriksaan veterinar tidak dilaksanakan dan tidak dipantau, maka daging tersebut boleh tercemar dengan mikroorganisma," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pendedahan aktiviti penyeludupan daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argen-



Haiwan ternakan yang telah dijangkiti bakteria di negara asal boleh menyebarkan penyakit dalam bentuk daging sejuk beku.

ina. Dr Quaza Nizamuddin Hassan yang juga bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar berkata, laporan daripada EFSA-ECDC pada tahun 2016 menunjukkan terdapat 1.5 bilion kes cirit-birit dilaporkan pada kanak-kanak umur kurang daripada tiga tahun.



DR QUAZA

"Sebahagian besar kes ini disebabkan oleh mikroorganisma *Enteropathogenic* dan ia menyebabkan lebih daripada tiga juta kematian setahun," katanya.

Jelas beliau, kewujudan bakteria itu sebenarnya tidak boleh dilihat dengan mata kasar dan menyebabkan daging tersebut rosak apabila terdedah terlalu lama pada suhu bilik dan tidak disimpan di dalam peti sejuk.

"Kalau kita keluarkan dan biarkan di luar terlalu lama, memang bakteria akan cepat membiak dan bakteria juga tak semestinya datang daripada daging haiwan sahaja, tetapi bila diletakkan dalam suhu yang biasa pun boleh jadi masalah."

"Seeloknya kita simpan daging ini dalam keadaan sejuk. Maksimum suhu untuk simpan daging dalam waktu yang

singkat ialah satu hingga empat darjah Celsius," katanya.

Ketika ditanya mengenai aktiviti penyeludupan daging sejuk beku secara haram, beliau berkata, pihak berkuasa perlu bekerjasama dalam usaha memperketatkan lagi prosedur yang sedia ada.

"Daging yang diimport dari empat negara yang dikaitkan dengan isu ini tidak dapat dipastikan sama ada dicemari dengan bakteria kecuali sampel daging telah diuji di makmal."

"Isunya di sini ialah pihak yang tak bertanggungjawab dalam aktiviti penyeludupan telah melanggar undang-undang negara dan wajar dikenakan tindakan."

"Justeru, agensi yang terlibat perlulah mengambil tindakan dengan lebih tegas agar perkara tersebut tidak akan berlaku lagi pada masa depan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Quaza Nizamuddin Hassan berkata, orang ramai tidak perlu khawatir akan keselamatan dan kualiti daging yang diimport oleh Malaysia kerana ia dijamin selamat dan bersih.

Prosedur kemasukan daging import ketat

SHAH ALAM - Prosedur pemeriksaan kemasukan daging import ke Malaysia ketika ini sudah cukup bagus jika dibandingkan dengan negara-negara luar.

Ketua Pegawai Eksekutif Palace Butcher Resources, Syed Ashraf Syed Ali berkata, namun ketirisan atau kelonggaran yang berlaku di pelabuhan menyebabkan penyeludupan daging haram itu berjaya menembusi proses pemeriksaan.

"Pada saya prosedur import dan eksport daging terutama daging halal yang diamalkan pihak berkuasa sekarang sudah cukup

ketat, malah antara yang terketat di dunia."

"Kami sendiri perlu hadapi banyak prosedur apabila mengambil daging import dari luar negara."

"Jadi jika kes sebegini masih berlaku, bermakna ada sesuatu yang tidak kena," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Beliau yang juga pemilik Restoran Me'nate Steak Hub berkata, Jakim juga sentiasa memantau dan mengeluarkan senarai pusat penyembelihan luar negara yang boleh diimport masuk ke dalam ne-

gara dan adakalanya senarai itu berubah sekiranya terdapat pusat-pusat yang tidak melepasi kriteria atau penilaian."

Syed Ashraf turut menyarankan supaya kerajaan mengenal pasti jenama yang terlibat serta tempat ia dihantar untuk dijual bagi pengetahuan umum supaya masyarakat terhindar daripada terbeli daging yang diragui status halalnya.

"Jika ada pengguna yang terlihat daging tersebut dijual atau ada penjual yang menjual daging tersebut, mereka boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa," katanya.



SYED ASHRAF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	SINAR HARIAN	SUARA	16



Dedah jenama daging, selamatkan rakyat

TIDAK terjangkau akal dengan pendedahan *Sinar Harian* semalam apabila terdapat kartel yang membungkus semula daging yang diimport tanpa pengesahan halal daripada Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (Jakim).

Malah tergamak menggunakan logo halal palsu sebelum menjualnya ke seluruh negara.

Demi untung yang berlipat ganda, kartel iini sanggup mengabaikan sensitiviti rakyat malaysia yang majoritinya Islam.

Si pelaku perlu menerima hukuman setimpal.

Kita bernasib baik kes ini telah dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) daripada terus dipasarkan.

Apa yang diharapkan bukan kartel ini sahaja dibongkarkan rangkaiannya tetapi kerja-kerja bawah tanah membelakangkan undang-undang yang lain perlu dihapuskan segera.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, pihaknya juga sedang menyiasat bagaimana daging sejuk beku diseludup dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina boleh terlepas masuk ke negara ini.

Malah tindakan biadab itu juga mencampurkan dengan daging yang sah dan disimpan dalam peti simpanan bersuhu -18 darjah celsius.

Ini membuat keresahan kepada rakyat sekiranya daging-daging telah dipasarkan seluruh negara.

Demi keuntungan syarikat tidak bertanggung-jawab ini, tidak mustahil rakyat juga akan bersikap was-was kepada semua jenis daging sejuk beku dalam negara.

Boleh rosak sistem ekonomi sekiranya hampir 30 juta rakyat Malaysia menolak makan daging sejuk beku import!

Untuk menghilangkan keresahan dalam hati, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu mendedahkan jenama dan tempoh masa syarikat ini beroperasi.

Ini bukan soal dendam atau merosakkan perniagaan, tetapi soal halal haram kepada umat Islam dan risiko kesihatan kepada rakyat keseluruhannya.

Sekiranya kes seperti ini melibatkan kelalai-an dalam kalangan penjawat awam, perlu segerakan laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pendakwaan perlu dilakukan segera, usah berlengah lagi.

Headline	Dr M, Anwar query RM220m budget allocation for FAMA corporate office construction		
MediaTitle	The Edge CEO Morning Brief		
Date	03 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	25,910
Page No	14	Readership	77,730
Language	English	ArticleSize	521 cm ²
Journalist	TIMOTHY ACHARIAM	AdValue	RM
Frequency	Daily	PR Value	RM



KUALA LUMPUR (Dec 2): Former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad and opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim today questioned the rationale behind Budget 2021's proposed RM220 million allocation for the construction of the Federal Agricultural Marketing Authority's (FAMA) corporate office in Kelana Jaya, Selangor, arguing that Fama was initially set up to help poor farmers.

Anwar, who is the Port Dickson Member of Parliament (MP), said in Parliament here today the money should be used to help the poor farmers, whose livelihoods had been hit by the Covid-19 pandemic.

"What is our priority? To build a palace or to help the farmers?" Anwar asked during the winding-up debate on the Supply Bill 2021 at the committee level for the Ministry of Agriculture and Food Industries.

According to Fama's website, it is a marketing agency under the ministry.

Also in Parliament today, Dr Mahathir scrutinised the ministry's allocation for the construction of FAMA's corporate office, claiming that nothing was being done to improve the farmers' livelihoods.

He said the government "must explain its measures to alleviate poverty among the farmers".

Meanwhile, *Bernama*, quoting Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, reported today the planned construction of FAMA's new building had been planned since 2011.

He reportedly said in Parliament today the proposed land swap method for

Dr M, Anwar query RM220m budget allocation for FAMA corporate office construction

BY TIMOTHY ACHARIAM
theedgemarkets.com

the construction of the project was implemented in accordance with existing procurement procedures and that the method had obtained the approval of the Cabinet.

"This process had gone through three prime ministers since 2011, and it was passed and signed only after the formation of the Perikatan Nasional (PN) government," Kiandee said during the winding-up debate.

He also reportedly said the building will include a bazaar to market agricultural products.

"FAMA's functions and roles have been streamlined by implementing new marketing methods, such as digitalisation and e-commerce," he said.

Meanwhile, Parliament's Lower House or Dewan Rakyat today approved Budget 2021 allocations via a voice vote for three ministries at the committee stage.

The three ministries are the Ministry of Agriculture and Food Industries, the Ministry of Rural Development, and the Ministry of Energy and Natural Resources.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	BORNEO POST KUCHING	ONLINE	

PLANS FOR FAMA NEW BUILDING BEGAN IN 2011 – KIANDEE

KUALA LUMPUR: The construction of Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) new building has been planned since 2011, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. He said the land swap method used for the construction of the project was implemented in accordance with the existing procurement procedures and obtained approval from the Cabinet. "This process went through three prime ministers since 2011 and it is passed and signed only after the formation of the Perikatan Nasional (PN) government," he said during the winding-up debate of the Supply Bill 2021 at the committee level for the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) in the Dewan Rakyat yesterday. The matter was raised by Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) during the debate session when he questioned government's priority, between constructing the new building worth RM220 million in Kelana Jaya which he described as a new 'castle', and helping farmers to market their products. Kiandee said that the building would later provide an agrobazaar sales centre to market agricultural and agrofood products. "Fama's functions and roles have been streamlined by implementing new marketing methods such as digitalisation and e-commerce. "Farmers have been given guidance to produce goods relevant to the needs of the industry. Fama will also continue to play an important role in helping to market the agro-food products," he said. Meanwhile, he said although there was a reduction in allocation for the Paddy Price Subsidy Scheme (SSFP) in the 2021 Budget, the Ministry of Finance (MOF) had given an assurance to channel additional allocation when there was an increase in rice production. Kiandee said that he had voiced concerns over the total allocation of RM570 million announced in the 2021 Budget compared to RM620 million allocated in the 2020 Budget, as it is feared to be insufficient to meet the production target of 1.9 million metric tonnes of rice next year. "Mafi targets 1.9 million metric tonnes of rice to be produced next year and of course it will involve higher paddy price subsidy data and if you look at the allocation given it can only target about 1.5 million metric tonnes," he said. Meanwhile, the SSHP issue was raised by Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) and Tan Sri Noh Omar (BN-Tanjung Karang) who wanted to know whether the government has no confidence in the increase of rice yield next year based on the reduction of allocation for the scheme by RM50 million. The Supply Bill 2021 for the ministry at the committee level was later passed by a majority vote after being debated by eight MPs, including Datuk Seri Shahidan Kassim (BN-Arau), Tun Dr Mahathir Mohamad (Independent-Langkawi) and Datuk Seri Rohan i Abdul Karim (GPS-Batang Lupar). — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

PERANCANGAN PROJEK BANGUNAN BAHARU FAMA BERMULA SEJAK 2011

KUALA LUMPUR: Perancangan projek bangunan korporat baharu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bermula sejak 2011, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata kaedah pertukaran tanah yang digunakan bagi projek pembinaan itu dilaksanakan mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa dan mendapat kelulusan di peringkat kabinet.

"Proses ini melalui tiga Perdana Menteri sejak 2011 dan hanya lulus dan dimeterai selepas pembentukan kerajaan Perikatan Nasional," katanya ketika sesi penggulangan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Dewan Rakyat semalam.

Perkara itu dibangkitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) ketika sesi perbahasan apabila beliau mempersoalkan keutamaan kerajaan untuk membina bangunan baharu berkenaan bernilai RM220 juta di Kelana Jaya yang disifatkan sebagai 'mahligai' baharu, atau untuk membantu petani dan peladang memasarkan hasil dan produk mereka.

Mengulas lanjut, Kiandee berkata bangunan itu kelak akan menyediakan pusat jualan agrobazaar bagi memasarkan produk pertanian dan agromakanan.

"Fungsi dan peranan FAMA telah diperkemas dengan melaksanakan pemasaran baharu seperti melaksanakan pendigitalan dan e-commerce.

"Petani-petani kecil diberi bimbingan bagi menyediakan produk-produk keperluan pemasaran moden agar terus relevan dengan keperluan industri. FAMA akan terus memainkan peranan penting untuk membantu pemasaran produk agro makanan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata walaupun terdapat pengurangan peruntukan bagi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dalam Belanjawan 2021, Kementerian Kewangan memberi jaminan untuk menyalurkan tambahan peruntukan apabila terdapat peningkatan dalam pengeluaran hasil padi.

Kiandee berkata beliau sendiri telah menyuarakan kebimbangan berhubung jumlah peruntukan berkenaan sebanyak RM570 juta dalam belanjawan ini berbanding RM620 juta pada Belanjawan 2020, yang dikhuatiri tidak mencukupi untuk memenuhi sasaran pengeluaran 1.9 juta tan metrik padi pada tahun hadapan.

"MAFI sasarkan sebanyak 1.9 juta tan metrik padi akan dikeluarkan pada tahun hadapan dan tentu sekali ia akan melibatkan data subsidi harga padi ini yang lebih tinggi dan jika dilihat peruntukan yang diberi ini hanya boleh mensasarkan lebih kurang 1.5 juta tan metrik.

"Di MAFI kami juga melihat itu sebagai satu kerisauan kerana kita diunjurkan untuk mengeluarkan 1.9 juta tan metrik, sebab itu saya katakan jaminan daripada MOF (Kementerian Kewangan) itu meyakinkan kita bahawa MOF akan mendengar susulan tambahan peruntukan untuk butiran subsidi ini jika perlu," katanya.

Isu berhubung SSHP itu dibangkitkan Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) dan Tan Sri Noh Omar (BN-Tanjong Karang) yang ingin tahu sama ada kerajaan tidak yakin dengan penambahan hasil padi pada tahun hadapan berikutan jumlah peruntukan untuk skim itu yang dikurangkan sebanyak RM50 juta.

Rang Undang-undang Perbekalan 2021 peringkat Jawatankuasa bagi kementerian berkenaan kemudiannya diluluskan dengan undian suara terbanyak selepas dibahas lapan Ahli Parlimen, antaranya Datuk Seri Shahidan Kassim (BN-Arau), Tun Dr Mahathir Mohamad (Bebas-Langkawi) dan Datuk Seri Rohani Abdul Karim (GPS-Batang Lupar). — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	muka surat
3/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	29

Jualan ikan darat merosot sepanjang tempoh PKPB



Nik Maznah menunjukkan ikan darat yang dijualnya di Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas yang kini sedang selepas PKPB dikuatkuasakan di negeri ini.

RANTAU PANJANG - Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas di sini meriah dengan aktiviti jual beli ikan darat apabila tiba musim tengkujuh. Bagaimanapun, musim tengkujuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini yang bermula pada 23 November lalu menyebabkan jualan ikan agak perlahan.

Peniaga ikan darat di Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas di sini Nik Maznah Nik Mat, 50, berkata, jualan ikan itu merosot dengan ketara berbanding tahun sebelum ini.

“Biasanya hasil jualan boleh

mencecah sehingga RM300 sehari tetapi sejak PKPB kedatangan pembeli boleh dikira dengan jari dan pendapatan tidak begitu ‘kencang’ seperti sebelum ini,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurutnya, kebanyakan pembeli ikan darat sepanjang PKPB hanya tertumpu dari kawasan sekitar mereka sahaja ekoran larangan merentas daerah.

Katanya, tahun sebelum ini kebiasaan pelanggannya datang dari seluruh negeri.

Nik Maznah berkata, bagaimanapun dia lega apabila ikan darat

yang ditangkap oleh suaminya Mohd Darus Dollah, 60, itu tetap habis dijual walaupun mengambil sedikit masa berbanding sebelum ini.

Katanya, hasil jualan ikan darat itu digunakan untuk menyara keluarga sepanjang musim tengkujuh.

“Luar musim tengkujuh saya berniaga mi celup di kawasan rumah dekat Kampung Bakat.

“Musim tengkujuh memberikan rezeki lebih kepada kami tetapi tahun ini kami reda asalkan rantaian Covid-19 dapat diputuskan,” katanya.

3/12/2020

KOSMO

NEGARA

12

Kerapu kertang 67kg dijual RM2,680

Oleh SHARKAWI LONDING

KOTA TINGGI – Seorang nelayan bagaikan mendapat rezeki datang bergolek apabila berjaya membawa naik seekor ikan kerapu kertang seberat 67 kilogram (kg) ketika turun mencari ketam di perairan Sedili Kecil di sini semalam.

Abdul Aziz Abdullah, 57, berkata, dia turun ke laut dengan menaiki bot pada pukul 8 pagi seorang diri untuk memasang jaring ketam di kawasan perairan terbabit.

Jelasnya, ketika perjalanan pulang ke darat, dia ternampak

seperti ada barang hanyut berwarna hitam.

"Lepas pasang jaring ketam, saya nak baliklah, masa dalam perjalanan saya nampak macam ada benda terapung, mula-mula ingatkan sampah.

"Bila saya himpit nampak ke-libat ikan kerapu kertang terapung, dia macam pening-pening, lepas itu dia tenggelam balik, lama juga saya tunggu dekat 20 minit sebelum ikan timbul balik," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Abdul Aziz berkata, dia cuba menangkap ikan tersebut, namun tidak berhasil ekoran tiada

peralatan dan ikan itu terlalu besar sebelum dia ke jeti mendapatkan bantuan peraih serta nelayan lain.

"Beberapa nelayan lain membantu saya naikkan ikan itu sebelum dibawa ke darat, bila timbang berat ikan 67kg. Ini paling besar pernah dapat, sebelum ini memancing dapat kerapu 50kg, kali ini macam rezeki datang bergolek," katanya.

Abdul Aziz berkata, dia mendapatkan bantuan peraih ikan sebelum dapat dijual kepada seorang pembeli yang merupakan mualaf dengan harga RM2,680.



ABDUL AZIZ membawa ikan kerapu kertang seberat 67kg menggunakan kereta sorong di Jeti Nelayan Sedili Kecil, Kota Tinggi semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	KOSMO	NEGARA	16

Sampai tertidur tunggu pelanggan

*** KORA BHARU** – Pendapatan peniaga buah-buahan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan di sini terjejas teruk apabila hasil jualan mereka tidak laku sejak dua minggu lalu.

Keadaan itu menyebabkan buah-buahan yang tidak terjual busuk dan kebanyakannya rosak sehingga mereka terpaksa membuang bekalan sedia ada.


Seorang peniaga buah, Mohd. Asri Abdul Ghani, 43, berkata, perniagaannya kini merosot dan kehilangan pelanggan hampir 80 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 21 November lalu.

“Saya telah mengeluarkan modal sebanyak RM 30,000 untuk membeli bekalan pisang, betik dan limau minggu lalu, namun sehingga hari ini (semalam) masih belum pulang modal, malah terpaksa menanggung kerugian.

“Bekalan buah-buahan sudah banyak rosak dan telah banyak dibuang. Jika ada yang masih elok, saya sedekahkan sahaja kepada pelanggan,” katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Mohd. Asri berkata, dia juga mendapat pesanan daripada pembekal buah-buahan dari Perak agar menjual bekalan tersebut kerana mereka turut mengalami masalah sama di negeri itu.

Katanya, dia kebiasaannya memperoleh pendapatan RM2,000 hingga RM3,000 sehari, namun jika mendapat RM200 sahaja, itu pun sudah memadai.



PENIAGA buah, Owee Thin Thian, 60, menunggu pelanggan di gerainya di RTC Kelantan di Kota Bharu semalam.

Seorang peniaga limau, Saudi Zakaria, 54, berkata, kadangkala dia tertidur sementara menunggu pelanggan membeli buah.

“Sekarang saya hendak dapat RM200 sehari sangat susah. Buah yang dijual menjadi buruk sehingga empat hingga lima bakul terpaksa dibuang.

“Apa yang saya lihat, semua peniaga di RTC amat terkesan dengan keadaan ini, lebih-lebih lagi kehadiran pelanggan menunjukkan penurunan ketara,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Lem-

baga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, RTC Kelantan mencatatkan jualan sebanyak RM231.87 juta dengan bilangan lebih sejuta pengunjung sejak lapan bulan lalu.

Bermula 18 Oktober hingga 8 November lalu, nilai jualan lebih RM19 juta dengan bilangan pengunjung seramai 96,630 orang.

“Bagaimanapun, jumlah jualan kini mencatatkan penurunan iaitu hanya lebih RM17 juta dengan jumlah pengunjung seramai 80,215 orang,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	KOSMO	NEGARA	16



NIK MAZNAH menunjukkan ikan darat yang dijualnya di tepi Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas di Pasir Mas semalam.

Peniaga ikan darat Rantau Panjang mengeluh

PASIR MAS – Kebanyakan peniaga ikan darat di Rantau Panjang di sini mengeluh apabila hasil jualan mereka kini berkurangan berbanding musim tengkujuh sebelum ini.

Mereka mendakwa, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa di negeri ini sejak 21 November lalu adalah antara punca jualan tidak laku apabila orang ramai tidak dibenarkan merentas daerah.

Tinjauan Kosmo! di Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas di sini yang sebelum ini sibuk dengan urusan jual beli ikan darat mendapati, suasana di kawasan itu lengang.

Seorang peniaga, Nik Maznah Nik Mat, 50, berkata, sejak pelaksanaan PKPB, jualan ikan darat di gerainya merosot sekali gus menjejaskan

pendapatan keluarga.

Menurutnya, kebiasaan dia mampu meraih pendapatan kira-kira RM300 sehari dengan hanya menjual ikan darat yang ditangkap oleh suami Mohd. Darus Dollah, 60.

"Bagaimanapun, sejak pelaksanaan ini, kedatangan pembeli di gerai kami hanya boleh dikira dengan jari.

"Saya tetap bersyukur apabila ikan-ikan darat yang ditangkap oleh suami tetap habis dijual meskipun mengambil masa yang lama berbanding sebelum ini yang begitu laris," katanya ketika ditemui semalam.

Ujarnya, dia menjual pelbagai jenis ikan darat antaranya ialah keli kayu, sembilang, sebarau, haruan dan puyu.

Katanya, ikan-ikan itu ditangkap dengan cara menahan pukut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

Pembaca Kosmo! Kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini. Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. E-melkan kepada komunitikosmo@mediamail.com.my



Bomba Kapar dapat 160kg sayur-sayuran

HARGAI JASA. Sebanyak 13 jenis sayur-sayuran dengan berat kira-kira 160 kilogram (kg) diserahkan kepada 37 anggota serta pegawai Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kapar, Klang, Selangor baru-baru ini.

Penyerahan 16 bakul sayur-sayuran itu dilakukan oleh seorang pemilik ladang Cultivate, John Hans Oei Shuen Yi kepada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kapar, Yazli Yahaya.

Sumbangan itu sebagai menghargai jasa anggota bomba yang membantu memadamkan kebakaran berdekatan ladangnya di Kampung Perepat, Kapar, beberapa bulan lalu.

YAZLI (empat dari kanan) bergambar bersama sayur-sayuran yang disumbangkan pemilik ladang Cultivate kepada petugas di BBP Kapar, Klang baru-baru ini.



MAT Adnan melihat Rohani menimbang udang gantung yang ditangkapnya.

Rezeki lain 'menjenguk'

Nelayan di Kampung Penarik tangkap udang gantung di kala musim tengkujuh

Perkembangan

Masih ada rezeki lain tersedia buat sekumpulan nelayan di sekitar Kampung Penarik, dekat sini, meskipun tidak dapat turun ke laut berikutan fenomena musim tengkujuh yang mula melanda negeri pantai timur, khususnya di Kelantan dan Terengganu.

Udang gantung, spesies udang air tawar di Sungai Chalok menjadi lubuk rezeki bermusim buat nelayan di kampung yang terletak 58 kilometer dari Kuala Terengganu ini, demi meraih pendapatan tatkala tibanya musim monsun timur laut.

Mat Adnan Mohd Amin, 59, berkata, udang gantung ini hanya muncul di sungai pada musim tengkujuh dan

ia ditangkap menggunakan peralatan tradisional iaitu gogoh, sejenis perangkap diperbuat daripada buluh dan guli yang berbentuk seumpama bubu.

"Spesies udang air tawar ini akan muncul di sungai terutama Sungai Chalok pada musim tengkujuh. Ia dipanggil udang gantung kerana sifat semula jadinya yang merayap-rayap dan melekat atau tergantung pada pokok di sungai," katanya ketika ditemui di Kampung Penarik, di sini.

Mengulas lanjut mengenai kaedah untuk menangkap udang itu,



Ia dipanggil udang gantung kerana sifat semula jadinya yang merayap-rayap dan melekat atau tergantung pada pokok di sungai"

Mat Adnan

Mat Adnan anak jati kampung tersebut dan sedang menyara lima orang anak berkata, udang dan isi kelapa dimasukkan sebagai umpan ke dalam gogoh dan perangkap tersebut dibiarkan semalaman

di celah pokok di sungai berkenaan.

"Dalam sehari, saya mampu mendapat hasil sehingga 18 kilogram udang gantung terperangkap di dalam gogoh," kata Mat Adnan yang mewarisi kepakaran menangkap udang gantung secara turun-temurun dari keluarganya.

Menurut beliau ada lapan nelayan dari Kampung Penarik yang turut menjadikan udang gantung sebagai punca rezeki setiap kali tiba musim tengkujuh dan hasil tangkapan bukan saja dijual kepada penduduk sekitar, malah perahi dan peniaga termasuk dari luar Setiu dengan harga antara RM18 hingga RM20 sekilogram.

Melalui aktiviti menangkap udang gantung dilakukan setiap pagi pada musim tengkujuh ini, beliau meraih pendapatan sehingga RM3,000 sebulan.

"Setiap hari, lebih kurang jam 7 pagi saya akan menaiki sampan untuk menangkap udang gantung. Dua jam selepas itu saya pulang dengan hasil tangkapan dan kebiasaannya sudah ada pembeli menunggu di rumah atau menempah beberapa hari lebih awal," katanya yang mempunyai 100 gogoh hasil buaatannya sendiri.

Katanya, udang tersebut mendapat permintaan tinggi kerana rasanya lebih sedap berbanding spesies udang biasa di pasaran.

"Walaupun saiz udang gantung kecil, tetapi isinya lembut dan manis. Paling sedap dimasak gulai nasi dagang. Malah, ia sangat lazat walau hanya direbus dengan nisang (gula melaka) dan sedikit garam,"

UDANG gantung yang terperangkap di dalam gogoh dipangas Mat Adnan.

katanya yang menjual udang dibantu isteri, Rohani Embon, 58. Sementara itu seorang penjual daging, Mohamad Yusof, 72, berkata, beliau sanggup memandu sejauh 45 kilometer dari rumahnya di Jerth setiap hari, semata-mata ingin mendapatkan stok udang gantung dari nelayan-nelayan di Kampung Penarik.

Katanya, beliau membeli lebih 20 kilogram udang gantung setiap hari untuk dijual semula di gerai di Kampung Gong Kepas di Jerth.

"Memang udang gantung mendapat permintaan tinggi kerana ia hanya boleh didapati pada musim tengkujuh. Lazimnya, 20 kilogram udang diletakkan di gerai pak cik akan habis terjual dalam masa tidak sampai sejam," katanya. - Bernama



UDANG yang ditangkap dibalut diperah dengan harga RM18 hingga RM20 sekilogram.

MAT Adnan memasukkan isi kelapa ke dalam gogoh.

3/12/2020

NST

NEWS/
NATION

14

14 | NEWS / Nation

MULTITASKING

NET INCOME EVEN DURING THE MONSOON

Fisherman mends, patches trawl nets to continue providing for family

KOTA BARU

THE monsoon is never good news for fishermen, whose source of income is the sea, as it is dangerous for them to continue with fishing activities during the northeast monsoon season.

For Mat Yeh Mamat, 62, of Kampung Pulau Gajah, Sabak,

Pengkalan Chepa, near here, the monsoon season is when he takes up a new vocation, from being a fisherman to a trawl net mender and patcher.

It is the time of the year when he is most sought-after for his skills in mending and patching trawl nets, which he has been doing for the past 10 years to ensure his family would continue to have food on the table.

Mat Yeh said he learnt the skills from his late father.

"The monsoon season is a dangerous time for fishermen to go out to the sea. However, it should not be an excuse to while away their time doing nothing.



Mat Yeh Mamat mending a trawl net at his home in Kampung Pulau Gajah, Pengkalan Chepa, recently. PIC BY HAZIRA AHMAD ZADI

"The monsoon season allows me time to earn a living mending and patching fishing nets."

Mat Meh, who has two children aged 17 and 24, said not many people took up mending and patching fishing nets as it required skilled hands to produce quality nets.

"To produce a trawl net, it takes

six to 10 days. Due to my age, I spend about six hours a day sewing, mending and patching the fishing nets," he said, adding that he could earn RM1,000 a month.

Mat Yeh said he received orders for drift nets, which are used to catch *kembung, selar, bawal* and *kertsi*, as well as for prawn nets.

"My customers will normally

supply the materials. They pay me only for the workmanship.

"I usually charge RM50 a net, depending on the type ordered by the customer."

Ahmad Firus Juhari, 30, said he sent his fishing nets only to Mat Yeh for mending.

"He is meticulous in his work."

Bernama

3/12/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

'Termenung' jualan ikan merosot

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulla.com.my

RANTAU PANJANG: Para peniaga ikan darat pada musim tengkujuh tahun ini lebih banyak 'termenung' kerana kekurangan pelanggan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan di negeri ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati Jalan Rantau Panjang-Pasir Mas yang sememangnya terjejak sebagai 'port' jualan ikan darat kelihatan lengang berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Peniaga, Nik Maznah Nik Mat, 50, berkata, sejak PKPB bermula, jualan ikan daratnya merosot sekali gus menjejaskan pendapatan keluarganya berbanding sebelum ini.

Menurutnya, kebiasaan dia mampu meraih pendapatan sehingga RM300 setiap kali musim tengkujuh dengan hanya menjual ikan darat yang ditangkap suami, Mohd. Darus Dollah, 60.

"Namun, sejak PKPB, kedatangan pembeli boleh dikira dengan jari. Kalau dahulu, ikan jualan saya habis sekejap sahaja.

"Sekarang, mengambil masa untuk laku dijual kerana pelang-



NIK Maznah Nik Mat menunjukkan ikan darat yang dijualnya di sekitar Rantau Panjang.

gan tidak seramai dulu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Nik Maznah memberitahu,

dengan hasil jualan ikan darat itu,apatlah digunakan untuk menyara keluarga sepanjang musim tengkujuh.

Katanya, sepanjang tempoh PKPB sehingga semalam, kebanyakan pembeli ikan-ikan darat ter-tumpul dari kawasan sekitar sahaja

ekoran larangan merentas daerah. "Kalau dulu pelanggan yang datang beli ikan saya datang dari seluruh Kelantan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	BERITA HARIAN	JAGA SUNGAI KITA	26

Keladi bunting dipercayai punca 'banjir termenung'

Tumpat: Keladi bunting yang tumbuh di tali air sepanjang kira-kira satu kilometer di Jalan Keselamatan dan Pembangunan (Kesban), dekat sini, dipercayai menjadi punca masalah 'banjir termenung' berikutan tumbuhan itu menyekat pergerakan dan aliran air ke sungai utama.

Kadaan itu menyebabkan banjir di beberapa kampung berhampiran termasuk Kampung Kubang Sawa, Naga Ibu, Bendang Pak Yong, Derdap dan Kuala Jambu, mengambil masa hingga lebih sebuah untuk air surut sepenuhnya.

Penduduk Kampung Derdap, Ariffin Awang Chik, 60, berkata sepatutnya keladi bunting perlu dibuang kerana walau tum-

buhan itu akan hanyut bersama air banjir, ia akan tersekat di saluran pembetung atau jambatan kecil.

"Memang ia akan hanyut tetapi sekarang pun sudah banyak yang tersekat sehingga menutup laluan air dan keadaan itu boleh dilihat di beberapa jambatan kecil dan pembetung air.

"Sepatutnya air banjir akan keluar ke Sungai Golok tapi apabila sudah terhalang dengan timbunan pokok keladi bunting ini, macam mana air nak mengalir keluar?"

"Kali terakhir kerja pemberian keladi bunting ini dibuat kira-kira lima tahun lalu oleh pihak berwajib ketika itu tetapi kini masing-masing tidak mahu

bertanggungjawab dan saling menuding jari," katanya ketika ditemui di lokasi, semalam.

Sementara itu, Ismail Senik, 63, berkata, penduduk pernah berbincang untuk meracun tumbuhan itu tetapi berikutan kawasannya yang agak luas, hasrat itu terpaksa dibatalkan.

"Kami juga memikirkan kos yang pasti agak tinggi lagi pun ia bukan tumbuh di tanah kami, sebaliknya di sepanjang tali air di bawah tanggungjawab pihak berwajib.

"Kami merayu agar masalah ini diambil perhatian pihak berkaitan kerana setiap tahun kami perlu berdepan dengan situasi banjir yang mengambil masa yang lama sebelum air surut," katanya.



Ariffin menunjukkan keladi bunting yang tumbuh di tali air di Jalan Keselamatan dan Pembangunan (Kesban). (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Pesawah merintih kerugian ratusan ribu ringgit

Tiga bulan, enam kali tenggelam

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU : Harapan kira-kira 200 pesawah dari beberapa kawasan sekitar di sini untuk menikmati hasil penuh tuai padi musim ini nampaknya tidak kesampaian. Ini kerana mereka terpaksa menanggung kerugian besar selepas kawasan bendang seluas 250 hektar yang diusahakan tenggelam setiap kali hujan lebat.

Dalam tempoh hanya tiga bulan sejak Ogos lalu, kawasan tersebut sudah tenggelam sebanyak enam kali dengan kerugian dianggarkan RM500,000 serta 50 peratus hasil tanaman tersebut rosak.

Pesawah mendakwa, masalah itu berpunca daripada sekatan air yang dilaksanakan di Sungai Pengkalan Asam, Kangar sekali gus menyebabkan air beberapa sungai sekitar melimpah ke sawah berkenaan setiap kali hujan lebat.

Kawasan sawah yang terjejas adalah Kampung Teluk, Gobak, Alor Banat, Bakong, Banat dan Jawi Bakong dengan setiap kali hujan lebat bendang terbabit dilatakan



PESAWAH MENUNJUKKAN padi yang rosak akibat ditenggelami air di kawasan sawah Jawi, Bakong, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

tenggelam hingga paras pinggang. Pesawah dari Kampung Teluk, Salleh Chin, 58, berkata, dia mengalami kerugian lebih RM20,000 berikutan masalah

tersebut yang berlaku sejak Ogos lalu. Salleh yang mengusahakan sawah di kawasan seluas enam hektar itu berkata, setiap kali

rosak, dia terpaksa cari benih baharu untuk melakukan tanaman semula.

"Para pesawah mula rasa tidak tenteram setiap kali hujan

lebat apabila terpaksa berdepan masalah sawah tenggelam. Dari Ogos sehingga kini, sudah enam kali tenggelam. Malah, ia memakan masa kadang-kala sehingga seminggu untuk surut menyebabkan padi rosak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, An Lim, 56, dari Alor Banat berkata, dalam tempoh terdekat ini, kawasan bendangnya seluas 60 hektar itu sudah empat kali tenggelam dengan anggaran kerugian sehingga RM30,000.

"Setiap kali hujan lebat, sawah tenggelam. Apabila tenggelam, seminggu masih tidak surut lagi menyebabkan padi reput. Jika dahulu, hasil padi semusim sehingga 18 tan, akibat masalah ini, saya jangka hendak dapat 12 tan hasil padi pun susah," katanya.

Rakannya, Basri Yob, 57, pula berkata, sebelum ini, sudah ada rancangan membina tebatan banjir di kawasan Arau, namun, terhenti selepas pemerintahan bertukar.

"Kami harap projek tebatan banjir itu disambung semula bagi membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	NST	NEWS/ NATION	19

'Time to introduce modern farming ways'

LANGKAWI member of parliament Tun Dr Mahathir Mohamad has claimed there were no specific efforts by the government to introduce modern farming methods to smallholders. The former prime minister, when debating the 2021 Budget in Dewan Rakyat, said smallholders would not be lifted out of poverty if they continued with traditional farming methods. He said to overcome this, small farms could merge to form one big estate, and be managed by someone experienced in estate farming.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA SAINS	24

MADU kelulut bukan sahaja mempunyai manfaat yang boleh merawat tubuh badan manusia malah turut memiliki khasiat yang boleh membantu meningkatkan kualiti hasil pertanian.

Penemuan itu dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya menghasilkan inovasi penyalut edibel daripada madu berkenaan untuk kawalan penyakit kulat pasca tuai atau Antraknos.

Penyalut edibel itu dihasilkan dari madu kelulut yang diformulasikan kepada bentuk serbuk sebelum digunakan kepada pelbagai hasil pertanian untuk meningkatkan kualiti hasil tuaian.

Ketua kumpulan penyelidik, Prof. Madya Ir. Dr. Norhashila Hashim berkata, madu kelulut dari Malaysia diuji dengan kepekatan berbeza. Hasilnya mendapati berpotensi merencat atau membantutkan pertumbuhan kulat *Colletotrichum sp.* yang merupakan faktor penyumbang kerosakan kualiti hasil pertanian seperti betik, mangga, cili dan seumpamanya.

Menurutnya, imbasan menggunakan mikro skop pengimbas elektron menunjukkan terdapat kemusnahan spora dan degradasi hifa kulat yang dirawat dengan larutan madu kelulut berkepekatan 15 peratus.

"Kami juga mengesan madu kelulut mengandungi beberapa sebatian fenolik (asid galik, asid coumarik, asid ferulik dan asid salistik) dan sebatian flavonoid (naringenin dan kaempferol) yang menyumbang kepada ciri-ciri anti kulat.

"Oleh itu fungsinya sebagai penyalut hasil pertanian adalah lebih efisien," katanya.

UJI PADA BETIK

Inovasi ini memilih betik untuk tujuan uji kaji dan mengetahui fungsi madu kelulut sebagai penyalut yang edibel kerana ciri-ciri buah berkenaan yang berada dalam kategori klimetrik.

Sifat betik yang mempunyai hayat simpanan yang pendek disebabkan corak peranakan iklimatik dan ancaman mudah rosak selepas tuai membolehkan ia memberi impak penyelidikan yang lebih



Inovasi madu kelulut tingkatkan hasil pertanian

jelas.

Tambah Norhashila, buah betik yang telah dicelup ke dalam larutan madu kelulut disimpan pada suhu tertentu selama 12 hari.

"Hasil kajian mendapati sampel betik yang disalut dengan madu kelulut pada kepekatan 1.5 peratus telah mengekalkan kesegaran, warna serta kandungan bahan pepejal terlarut.

"Berat segar, kadar respirasi sampel dan penghasilan etilena betik juga menurun sepanjang tempoh penyimpanan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, madu kelulut berkebolehan meningkatkan kualiti betik selepas dituai serta memanjangkan tempoh hayat simpanannya. Tempoh kesegaran dan hayat betik dapat dipanjangkan antara 14



DR. Norhashila bersama Dr. Bernard Maringgal (kanan) dan Azri Shahr (tengah)



DUA medal anugerah yang dimenangi hasil inovasi madu kelulut.

dan 21 hari daripada hari tuafan yang akan memudalakan lagi proses pengeksportan.

LEBIH SELAMAT

Pasukan penyelidik turut menerbitkan satu penemuan di *Elsevier: Journal of Materials Research and Technology* bahawa madu kelulut berpotensi dalam penghasilan kalsium oksida bersaiz nano.

Nanopartikel itu diperoleh dari bio-sintesis melalui kaedah endapan dan pemendakan kalsium karbonat dalam madu kelulut.

Nanopartikel yang terhasil secara bio-sintesis mempunyai kesan perencatan yang maksimum terhadap penyakit antraks.

"Melalui pembuktian ujian kesitoksikan terhadap sel MRC 5 dan sel Vero, nanopartikel ini didapati tidak bersifat toksik kepada manusia. Oleh itu, ia selamat dan edibel," katanya.

Menurut Norhashila, selama ini penyalutan buah betik banyak menggunakan bahan kimia yang boleh mendatangkan kesan dan memudaratkan kesihatan dalam jangka masa yang panjang.

Oleh itu, kajian ini menawarkan pendekatan yang selamat dalam penyediaan nanopartikel dengan menggunakan madu kelulut untuk digunakan dalam pelbagai aplikasi bidang pertanian dan makanan.



Kami juga mengesan madu kelulut mengandungi beberapa sebatian fenolik (asid galik, asid coumarik, asid ferulik dan asid salistik) dan sebatian flavonoid (naringenin dan kaempferol) yang menyumbang kepada ciri-ciri anti kulat."



MADU kelulut dalam bentuk asal serta yang telah diformulasikan kepada bentuk serbuk diletakkan dalam bekas khas dan betik yang telah disalut dengan penyalut edibel dari madu kelulut.



MADU kelulut yang telah diformulasikan kepada bentuk serbuk.

DR. Norhashila menerangkan kaedah menyalut betik menggunakan madu kelulut.



ah) di makmal penyelidikan Universiti Putra Malaysia.